

J056

U 9375 AAB
UMNO-ANGGOTA 1 KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 15 OKT (BERNAMA) -- SEMUA ORANG MELAYU TERMASUK BEKAS ANGGOTA PARTI UMNO YANG DIHARAMKAN, AKAN DITERIMA MENJADI ANGGOTA UMNO SEKIRANYA MEREKA MEMBUAT PERMOHONAN, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARI INI.

INI TERMASUK +KUMPULAN 11 ORANG+ YANG TELAH MEMBANA UMNO ITU KE MAHKAMAH SEHINGGA MENYEBABKAN PARTI ITU DIHARAMKAN PADA 4 FEBRUARI LEPAS, KATA PERDANA MENTERI.

+SESIAPA SAHAJA YANG MEMERIMA DASAR PERJUANGAN PARTI DAN SEGALA YANG MELIBATKAN PERJUANGAN ITU, BERHAK MENJADI ANGGOTA UMNO+, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MENPENGKERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI (MT) UMNO DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUSA PRESIDEN UMNO BERKATA PADA MESYUARAT ITU, MT MENGAMBIL KEPUTUSAN TERSEBUT SETELAH MEMERIMA BANYAK PERMINTAAN DARIPADA BEKAS ANGGOTA UMNO LAMA DAN ORANG-ORANG MELAYU SUPAYA MEREKA DIBERI HAK MENYERTA UMNO.

+SESUAI DENGAN DASAR DEMOKRATIK PARTI YANG MENGAMBIL KIRA PANDANGAN ORANG RAKAI DAN KEADAAN PARTI YANG TELAH STABIL SESIAPA SAHAJA YANG MEMBUAT PERMOHONAN AKAN DITERIMA,+ KATANYA.

TAMBAHAN PULA PUCUK PIHPIAN PARTI TELAH PUN SELESAI MENYUSUN JENTERA PARTI TANPA SEBARANG GANGGUAN, KATA BELIAU. --LAGI
1533HST 15 10 88

0075

U 9377 AAB
UMNO-ANGGOTA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BEKAS-BEKAS ANGGOTA MT YANG DIPILIH PADA PERHIMPUNAN TAHUN LEPAS, SEBELUM UMNO LAMA DIHARAMKAN, JUSA BOLEH DIPERTIMBANGKAN UNTUK MEMODUKI SEMULA KERUSI ITU SEKIRANYA MEREKA MEMBUAT PERMOHONAN MEMASUKI PARTI.

KATANYA, TIGA DARIPADA BEKAS MT ITU, YANG TELAH PUN MENJADI ANGGOTA UMNO LAITU DATUK AJIB AHMAD, DATUK KADIR SHEIKH FAZIR DAN HAJI RAHIM BAKAR, DITERIMA SEMULA HARI INI SEBAGAI ANGGOTA MT.

BELIAU JUSA BERKATA ENCIK ABDUL MULOK AWANG DAMIT, ANGGOTA PARLIHMAN BEBAS-LABUAN, TELAH DITERIMA SEBAGAI ANGGOTA UMNO SELEPAS BELIAU MEMBUAT PERMOHONAN.

PARTI ITU AKAN MEMBUAT PERMOHONAN KEPADA SPEAKER DENAH RAKYAT TAN SRI MOHAMED ZAHIR ISMAIL UNTUK MEMINDAHKAN TEMPAT DUDUK BELIAU KE BAHAGIAN ANGGOTA BARISAN NASIONAL (BN). --LAGI

1610HST 15 10 88

0123

R 8386 AAB
UMNO-ANGGOTA 3 KUALA LUMPUR

MESYUARAT YANG BERLANGSUNG KIRA-KIRA EMPAT JAM ITU TURUT MENBINCANGKAN PERSIAPAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG AKAN DIADAKAN PADA 28 HINGGA 30 OKTOBER INI.

PERDANA MENTERI BERKATA PARTI TELAH MEMERIMA BEBERAPA USUL UNTUK DIBAHASKAN PADA PERHIMPUNAN ITU TERMASUK USUL UNTUK MEMINDA BEBERAPA PERUMTUKAN DALAM PERLEMBAGAAN YANG MEMERLUKAN KELULUSAN PERHIMPUNAN.

MENURUTNYA TARIKH TUTUP BAGI ISUPEJABAT UMNO MEMERIMA USUL-USUL TELAH PUN BERAKHIR SEHALAM DAN MANA-MANA USUL YANG DIHANTAR SELEPAS TARIKH ITU TIDAK AKAN DITERIMA.

BELIAU BERKATA, UMNO AKAN MENJEMPUT SEMUA INDIVIDU YANG ADA KAITANNYA DENGAN PARTI DAHULU DAN SEKARANG UNTUK MENGHADIRI PERHIMPUNAN ITU KELAK SEBAGAI PEMERHATI. --BERNAMA

1738HST 15 10 88

044